

# 'Jangan abai ibu bapa'

B.H 7/10/07 M/S 4

## Shahrizat gesa rakyat ambil tahu kebajikan warga emas, OKU

Oleh Nasron Sira Rahim

**K**UALA LUMPUR: Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil menggesa rakyat negara ini tidak mengabaikan ibu bapa masing-masing dan pulang menjenguk mereka untuk menyambut Aidilfitri, minggu depan.

Beliau berkata, seorang anak mempunyai tanggungjawab yang perlu ditunaikan terhadap ibu bapa masing-masing antaranya menjaga dan mengambil tahu keadaan serta kesihatan mereka.

"Jangan melupakan ibu bapa dan keluarga, kita mesti meluangkan masa menjenguk mereka, terutama anak yang berada di bandar dan jarang pulang. Janganlah lepas tangan begitu saja," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena Program Nur Hidayah Tadarus al-Quran Kawasan Parlimen Lembah Pantai di Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq, Bangsar di sini, semalam. Hadir sama, Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya, Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman.

Program kali kedua diadakan itu didahului dengan majlis khatam al-Quran sebelum penyampaian sumbangan wang tunai, hamper dan beg kepada kira-kira 450 warga emas, ibu



**HULUR BANTUAN:** Shahrizat menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada OKU, Mohd Norfazdly Ismail di Masjid Saidina Abu Bakar Al-Siddiq, Bangsar, semalam.

**“Sesiapa yang ada ibu bapa sudah tua perlu luangkan masa lawat mereka”**

**Shahrizat Abdul Jalil**  
Menteri Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat

tinggal, orang kurang upaya(OKU) dan anak yatim sekitar kawasan Lembah Pantai.

Shahrizat berkata, sempena Ramadan dan Syawal yang dikenali sebagai bulan mulia dalam Islam, masyarakat perlu mengambil berat terhadap nasib insan yang tidak bernasib baik dengan membantu mereka.

"Sesiapa yang ada ibu bapa sudah tua, sakit malah hidup dalam keadaan

daif perlu meluangkan masa melawat mereka. Jangan biarkan mereka, seorang anak perlu mengambil tahu hal ehwal ibu bapa mereka," katanya.

Sempena kedatangan Aidilfitri, beliau berkata, pihaknya sentiasa memastikan warga emas yang ditempatkan di rumah kebajikan masyarakat tidak berasa sunyi dan gembira menyambut perayaan berkenaan.

"Kami di rumah kebajikan memang menjaga mereka sebaiknya. Kebanyakan warga emas yang ditempatkan di rumah kebajikan adalah mereka yang sudah tak ada keluarga dan tinggal sebatang kara menyebabkan tidak ramai yang datang melawat mereka.

"Di rumah kebajikan itu, mereka mendapat keluarga baru dan hubungan itu adalah erat menjadikan mereka tidak berasa kekosongan," katanya.

Selain itu, beliau berkata, Dana Talian Insan Kritikal Yayasan Kebajikan Negara (D'tik YKN) yang dilancarkan Khamis lalu diwujudkan kerana kesedaran pihaknya bahawa perubatan adalah satu daripada aspek kebajikan masyarakat.

"Semua permohonan terhadap dana itu dibuat menerusi hospital kerana pihak berkenaan tahu siapa yang layak menerima dan akan memberi pengesahan," katanya.

BERNAMA